

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

SOALAN NO. 391

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menangani isu pelarian Filipina (IMM13) yang sudah lama bermastautin di Labuan iaitu sejak tahun 70an lagi.

JAWAPAN:

Kerajaan menyedari isu yang sering dibangkitkan mengenai kehadiran pelarian ini di W.P Labuan. Walaupun secara dasarnya Malaysia tidak mempunyai obligasi terhadap Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967, sebarang tindakan tidak boleh dilaksanakan secara terburu-buru kerana ianya akan melibatkan pelbagai implikasi kepada aspek sosial, politik, perundangan dan kemanusiaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah telah bersama-sama menggerakkan usaha yang lebih menyeluruh dalam menangani isu pelarian warga Filipina di negeri Sabah dan W.P Labuan.

Kerajaan juga tidak pernah menghalang dan malahan sangat menggalakkan golongan ini untuk pulang ke negara asal mereka. Perkembangan terkini di Selatan Filipina yang menyaksikan proses ke arah pembentukan wilayah autonomi Mindanao yang lebih berkesan atau *Bangsamoro Autonomous Region* juga dijangka akan mampu menarik lebih ramai rakyat mereka untuk kembali ke negara asal. Kerajaan bersedia untuk memberikan kerjasama terhadap usaha-usaha sama ada oleh NGO atau Kerajaan Filipina dalam membawa pulang rakyat mereka.